



**TAHAP EFIKASI DAN PENGUASAAN KBAT DALAM MATA PELAJARAN  
PENDIDIKAN ISLAM DALAM KALANGAN PELAJAR MENENGAH  
RENDAH DI DAERAH TAWAU SABAH**

**[LEVEL OF EFFICIENCY AND MASTERY OF KBAT IN SUBJECTS  
ISLAMIC EDUCATION AMONG PRIMARY SECONDARY  
STUDENTS IN TAWAU SABAH DISTRICT]**

NORYATI AMIL<sup>1</sup>, HARUN BAHARUDIN<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.

Email: p118809@siswa.edu.ukm.my; harunbaharudin@ukm.edu.my

Corespondent Email: isa\_hamzah@ukm.edu.my

---

Received: 1 March 2024

Accepted: 15 March 2024

Published: 4 April 2024

---

**Abstrak:** Efikasi kendiri dan penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah penting dalam setiap pembelajaran di sekolah terutama dalam Pendidikan Islam khusus pelajar sekolah menengah. Efikasi kendiri boleh difahami sebagai tahap keyakinan atau sejauh mana rasa percaya diri terhadap kemampuan dan usaha untuk melakukan sesuatu. Kecemerlangan murid dalam akademik bukan sekadar dengan prestasi diri malah perlu dibentuk dengan keyakinan diri dan penguasaan dalam sesuatu ilmu. Kini, pelajar sekolah rendah dan menengah menghadapi pelbagai bentuk cabaran dan gelombang pemodenan, dan kadangkala mereka mudah goyah. Dalam hubungan ini, masih terdapat hubungan antara efikasi kendiri pelajar dengan motivasi pembelajaran yang mempengaruhi penglibatan dan pencapaian pelajar. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap efikasi diri dan penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar menengah, faktor penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar menengah dan sejauh mana hubungan penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar menengah di daerah Tawau, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menyiasat kajian. Data bagi penyelidikan ini dikumpul daripada 200 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tawau, Sabah dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. . Hasil kajian mendapati bahawa konstruk penguasaan KBAT dengan nilai min  $M= 4.00$ ,  $SD= .705$ , diikuti dengan Kesan Penguasaan KBAT nilai min  $M= 3.85$ ,  $SD= .679$  dan Efikasi Diri nilai min  $M= 3.65$ .  $SD= .630$ . Dapatkan kajian mendapati Penguasaan KBAT dan kesan penguasaan KBAT adalah tinggi manakala efikasi diri adalah sederhana. Analisis korelasi pula menunjukkan hubungan antara efikasi diri dengan kesan penguasaan KBAT mempunyai nilai korelasi  $r= .806^{**}$ ,  $Sig= .000$ ,  $p > .005$  manakala hubungan efikasi diri dengan kesan penguasaan KBAT mempunyai nilai korelasi  $r= .806^{**}$ ,  $Sig= .000$ ,  $p > .005$  manakala hubungan antara penguasaan KBAT dengan Kesan Penguasaan KBAT adalah  $r= .878$ ,  $Sig= .000$ ,  $p > .05$ . Hasil dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara efikasi diri pelajar dengan penguasaan KBAT yang diaplikasikan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Cadangan kajian ini dapat membantu memberi nilai tambah kepada guru dan pelajar untuk lebih gigih berusaha dan membantu dalam meningkatkan kendiri. Di samping itu, pelajar mampu meningkatkan motivasi dan memupuk keyakinan diri pelajar untuk kemenjadian murid yang berjaya

**Kata kunci:** Efikasi, KBAT, Pendidikan Islam, motivasi

**Abstract:** The efficacy and mastery of KBAT is important in every learning at school, especially in Islamic Education specifically for high school students. Self-efficacy can be understood as the level of confidence or the extent to which one feels confident in one's ability and effort to do something. Student excellence in academics is not just about self-performance but needs to be shaped by self-confidence and mastery in a subject. Nowadays, school students are sometimes easily shaken when faced with various forms of challenges and waves of modernization. In this relationship, there is still a relationship between student self-efficacy and learning motivation impacting student engagement and achievement. Therefore, the purpose of this study is to identify the level of self-efficacy and mastery of KBAT among secondary students, the factors of mastery of KBAT among secondary students and the extent of the relationship between mastery of KBAT among secondary students in Tawau district, Sabah. This study uses a quantitative approach with survey research. The data of this study was taken with 200 high school students in Tawau Sabah and analyzed with SPSS software. The results of the study found that the mastery construct of KBAT with a mean value of  $M= 4.00$ ,  $SD=.705$ , followed by the Effect of Mastery of KBAT with a mean value of  $M= 3.85$ ,  $SD=.679$  and Self-Efficacy with a mean value of  $M= 3.65$ ,  $SD=.630$ . The findings of the study found that KBAT Mastery and the effects of KBAT mastery are high while self-efficacy is moderate. Correlation analysis shows that the relationship between self-efficacy and the effect of mastery of KBAT has a correlation value of  $r=.806^{**}$ ,  $Sig=.000$ ,  $p > .005$  while the relationship between self-efficacy and the effect of mastery of KBAT has a correlation value of  $r=.806^{**}$ ,  $Sig=.000$ ,  $p > .005$  while the relationship between KBAT mastery and KBAT Mastery Effect is  $r=.878$ ,  $Sig=.000$ ,  $p > .05$ . The results of this finding show that there is a positive relationship between student self-efficacy and mastery of KBAT applied in Islamic Education subjects. The recommendations of this study can help give added value to teachers and students to work harder and help in self-improvement. In addition, students are able to increase motivation and foster self-confidence in order to become successful students.

**Keywords:** Efficacy, KBAT, Islamic Education, motivation

**Cite This Article:**

Noryati Amil, Harun Baharudin. 2024. Tahap Efikasi Dan Penguasaan KBAT dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam dalam Kalangan Pelajar Menengah Rendah di Daerah Tawau Sabah [Level of Efficiency and Mastery of KBAT in Subjects Islamic Education among Primary Secondary Students in Tawau Sabah District]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 4(2), 13-29.

## PENGENALAN

Efikasi kendiri merujuk kepada persepsi seseorang terhadap keupayaannya untuk melakukan sesuatu dalam situasi tertentu. Ia juga berkait rapat dengan keyakinan seseorang dalam mencapai hasrat atau mencapai kejayaan dalam hidup. Efikasi kendiri dikenali sebagai komponen utama tingkah laku, terutamanya perubahan tingkah laku yang berkesan meramal kemahiran berfikir kritis (Marzieh Dehghani et al., 2011). Efikasi kendiri sebagai faktor motivasi terutamanya mempengaruhi pemikiran kritis, dan kekurangan motivasi yang mencukupi menjadi penghalang kepada perkembangan pemikiran kritis (Guoyuan Sang et al., 2011). Sementara itu, efikasi kendiri adalah berkaitan dengan kemahiran sosial seseorang. Bandura (1996) telah memperkenalkan efikasi kendiri ini sebagai salah satu komponen dalam teori kognitif sosial. Teori tingkah laku ini merujuk kepada kognitif secara sedar, mempunyai jangkauan matlamat, ganjaran dan penetapan keputusan. Ia juga boleh menerangkan aras keyakinan seseorang individu dalam diri mereka untuk melaksanakan sesuatu tugas yang

tertentu (Bandura, 1997). Melalui teori ini juga, tindakan individu boleh dibentuk berdasarkan proses pemikiran dan refleksi yang holistik.

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ialah kebolehan menggunakan pengetahuan, kemahiran atau teknik dan nilai untuk menaakul dan membuat kesimpulan, menyelesaikan masalah, membuat keputusan, mencipta dan bersaing dengan cara yang sihat. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia menitikberatkan KBAT dalam sistem persekolahan sebagai menyahut persaingan antarabangsa yang semakin sengit. Pendekatan KBAT ini adalah diterapkan dalam pembelajaran pelajar supaya pelajar bukan sahaja menghafal dan mengingat apa yang dipelajari tetapi boleh memahami dan mengetahui apa yang dipelajari serta menggunakan pemikiran mereka pada tahap yang tinggi melalui penguasaan kemahiran menilai, mengamalkan, menganalisis dan merekacipta. Pelaksanaan KBAT merupakan salah satu inisiatif KPM dalam melahirkan insan yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap kemakmuran negara yang dapat membantu pelajar melaksanakan operasi berfikir seperti membuat analisis dan inferens yang seterusnya dapat meningkatkan pemahaman mereka dan prestasi pencapaian.

Dalam pembelajaran pendidikan Islam, KBAT ditafsirkan melalui masalah bukan rutin dan masalah atau dilema yang tidak jelas. Soalan yang memerlukan KBAT amat diperlukan untuk membolehkannya pelajar untuk mengaplikasi, menganalisis, mensintesis dan menilai maklumat, bukan sekadar penceritaan semula fakta. Sehubungan itu, melalui penguasaan KBAT, pelajar dapat meningkatkan tahap mereka kefahaman tentang sesuatu konsep subjek mata pelajaran yang dipelajari. Dalam kajian Nor Najidah Osman, dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2023) menyatakan KBAT telah menjadi satu keperluan dalam menentukan kejayaan pelajar menjelang abad ke-21. Ini kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun melaksanakan elemen KBAT dalam kurikulum sekolah mulai tahun 2014 melalui peningkatan peratusan soalan yang mempunyai unsur KBAT dalam peperiksaan awam seperti UPSR dan SPM sebanyak 20% berbanding 10% pada tahun 2013.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mempunyai kaitan dengan efikasi kendiri dalam kalangan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana rasa efikasi kendiri pelajar adalah penting untuk meningkatkan prestasi akademik mereka serta untuk mempengaruhi persekitaran dan keadaan organisasi mereka. Perkaitan antara efikasi kendiri yang tinggi dan pencapaian akademik yang unggul adalah sangat ketara, dan ia juga mengurangkan *prevalens* ketidakhadiran kronik di sekolah. Pelajar lebih bermotivasi dan berazam untuk mencapai prestasi yang lebih baik dalam pembelajaran mereka apabila mereka mempunyai keyakinan terhadap bakat mereka. Menurut penyelidikan oleh Wan Hanum Suraya binti Wan Mohamed & Jamal @ Nordin bin Yunus. (2019) turut menyatakan pilihan pelajar terhadap amalan pembelajaran yang berkesan dan tahap motivasi kendiri yang tinggi kedua-duanya dipengaruhi oleh rasa efikasi kendiri mereka. Menyedari hal ini, penyelidikan berdasarkan efikasi kendiri perlu dijalankan sebagai panduan dan pendedahan untuk membantu pihak pentadbir dan warga pendidik sekolah dalam sentiasa bersedia untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar ke tahap yang luar biasa. Faktor penting yang menyumbang secara signifikan kepada peningkatan kejayaan akademik murid ialah efikasi kendiri.

Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan KBAT dapat dijalankan dengan jayanya, adalah penting untuk memberi tumpuan kepada aspek pelajar (Wee Goik Leng, Suhaida Abdul Kadir, dan Rosnani Jusoh, 2020). Selain itu, kajian yang dijalankan di Indonesia oleh TJ

Syarifah, B Usodo, dan Riyadi (2019) mendapati bahawa penekanan terhadap efikasi kendiri pelajar dapat membantu pelajar mengembangkan kebolehan pemikiran kritis mereka. Hubungan antara efikasi kendiri pelajar dan motivasi pembelajaran disokong lagi oleh kajian lepas, yang memberi kesan positif terhadap penglibatan dan pencapaian pelajar (Zulyna Adila Zainuddin dan Faridah Mydin Kutty, 2021). Seterusnya, tahap penguasaan pelajar KBAT di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah seperti dinyatakan dalam kertas kajian Nor Najidah Osman, dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2023).

Pengkaji ingin melihat tahap efikasi diri dan penguasaan KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam dalam kalangan pelajar menengah rendah di daerah Tawau, Sabah. Oleh itu, terdapat tiga objektif kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti tahap efikasi diri dan penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar menengah di daerah Tawau, Sabah.
2. Mengenal pasti faktor penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar menengah di daerah Tawau, Sabah.
3. Mengenal pasti sejauh mana hubungan penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar menengah di daerah Tawau, Sabah.

## **SOROTAN KAJIAN**

### **Efikasi Diri dengan Penguasaan KBAT**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah salah satu usaha yang dititikberatkan oleh kerajaan bagi melahirkan murid yang berkemahiran tinggi. Efikasi kendiri telah dilihat sebagai satu elemen yang dapat meningkatkan penguasaan KBAT murid. Kajian yang telah dijalankan oleh Chai Wan Ting (2022) yang meninjau perkaitan antara efikasi kendiri dengan penguasaan KBAT murid. Seramai 210 orang murid telah dipilih sebagai responden melalui teknik pensampelan rawak berstrata. Instrumen yang digunakan dalam kajian ialah satu set soal selidik. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara efikasi kendiri dengan penguasaan KBAT murid. Justeru, efikasi kendiri murid semakin tinggi, maka tahap penguasaan KBAT murid juga akan meningkat. Implikasi kajian yang melibatkan peranan murid, guru dan pihak sekolah telah dibincangkan dalam menangani isu penguasaan KBAT murid.

Kebolehan pelajar sekolah perlu diperkasakan untuk memahami dan mempelajari ilmu dan kemahiran yang lebih tinggi dengan lebih berkesan. Malah, keupayaan seseorang pelajar untuk menguasai ilmu tertentu dalam domain akademik adalah didorong oleh faktor efikasi kendiri. Kajian Nur Atiqah Nizam (2021) bertujuan untuk menentukan kesan faktor jantina dan prestasi akademik terhadap efikasi kendiri dan pengetahuan topik pecahan pelajar. Selain itu, tujuan kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara efikasi kendiri dan pengetahuan topik pecahan pelajar. Keputusan ANOVA dua hala mendapati perbezaan yang signifikan dalam efikasi kendiri berdasarkan jantina dan prestasi akademik. Walau bagaimanapun, kedua-dua faktor ini tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap pengetahuan pelajar tentang topik pecahan. Selain itu, dapatan mendapati hubungan positif antara efikasi kendiri dan pengetahuan topik pecahan pelajar.

Efikasi kendiri memberi kesan kepada personaliti seseorang. Pelajar akan berinteraksi secara aktif dengan persekitaran mereka dalam bentuk menerangkan peristiwa dan kemudian memilih untuk mengambil tindakan. Efikasi kendiri menentukan pemilihan aktiviti, usaha, dan kesungguhan dalam menghadapi cabaran sedia ada. Semakin tinggi efikasi kendiri, semakin ramai orang akan memilih aktiviti yang mencabar, lebih tabah apabila menghadapi halangan atau pengalaman yang menyakitkan, dan tidak mudah berputus asa. Oleh itu, kajian Sarinah Mohd Sehat (2022) menjalankan kajian untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri pelajar dari segi aspek akademik, sosial, dan emosi, dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap efikasi kendiri pelajar. Hasil analisis menunjukkan bahawa skor min keseluruhan bagi ketiga-tiga aspek tahap efikasi kendiri bagi akademik mempunyai skor min 4.03, efikasi kendiri sosial mempunyai skor min 4.15 dan skor min bagi efikasi kendiri emosi ialah .74. Kesemua skor min bagi ketiga-tiga aspek yang dinalai mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi.

### **Efikasi Diri dengan Perkaitan Pencapaian Akademik**

Tazul Islam & Tareq M. Zayed (2023) mengkaji efikasi diri dengan pencapaian dalam kalangan mahasiswa di universiti awam, Ika Wahyu Pratiwi dan Hayati (2020) dan Jun Ye (2021) membuat kajian berkaitan efikasi diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dalam kajian ini ada mendefinisikan efikasi kendiri merupakan satu bentuk kepercayaan yang dimiliki oleh individu untuk dapat menyelesaikan tugas atau menyelesaikan masalah secara berdikari. Tambahan pula, efikasi kendiri merupakan aspek sokongan yang bermakna dalam proses pembelajaran kerana ia akan mempengaruhi hasil pembelajaran, pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan percaya bahawa mereka boleh menyelesaikan semua tugas yang sedia ada walaupun mereka mendapat tugas yang menyusahkan, manakala pelajar dengan efikasi kendiri. Oleh itu, jika individu dapat mengembangkan perasaan positif yang sesuai tentang efikasi kendiri, ia dapat membantu individu tersebut untuk meningkatkan pencapaian, percaya pada kebolehan, membangunkan motivasi dalaman, dan membolehkan pelajar mencapai matlamat yang lebih mencabar. Tambahan pula, efikasi kendiri boleh diperolehi, diubah suai, ditingkatkan, dan dikurangkan melalui satu atau gabungan empat sumber berikut; 1) pengalaman prestasi, iaitu pencapaian yang telah dicapai pada masa lalu, sebagai sumber, prestasi masa lalu adalah pengubah efikasi kendiri dengan pengaruh yang paling kuat; 2) pengalaman vicar iaitu melalui model sosial di mana efikasi kendiri akan meningkat apabila memerhati kejayaan orang lain, sebaliknya efikasi kendiri akan berkurangan apabila memerhati orang yang kebolehannya lebih kurang sama dengan kegagalan mereka sendiri; 3) pemujukan sosial, keadaan ini adalah rasa percaya kepada pemberi pujukan; dan 4) keadaan emosi iaitu emosi yang kuat, takut, cemas, tekanan boleh mengurangkan efikasi kendiri, tetapi boleh berlaku, peningkatan emosi yang tidak keterlaluan boleh meningkatkan efikasi kendiri (Sufirmansyah, 2015). Efikasi kendiri diukur melalui tiga dimensi iaitu; 1) aras/magnitud, berkaitan dengan kesukaran tugas di mana individu akan memilih sesuatu tugas berdasarkan aras kesukaran; 2) generality, berkaitan dengan tingkah laku di mana seseorang merasa yakin dengan kemampuannya berdasarkan pengalaman sebelumnya, dan 3) kekuatan, berkaitan dengan kepercayaan seseorang tentang sejauh mana dia yakin dia akan dapat melaksanakan tugas sebagai sebaik mungkin. Berdasarkan ini, dapat disimpulkan bahawa efikasi kendiri tidak berkaitan dengan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang, tetapi berkaitan

dengan kepercayaan tentang apa yang boleh dilakukannya dengan kemahiran yang dimiliki tanpa mengira saiz (Nur Khayati & Sri Sarjana, 2015).

Kajian Ramang Ramang (2022) mempunyai kaitan dengan kajian iaitu mengkaji penguasaan KBAT dalam subjek Pendidikan Islam namun kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kepada guru dan pelajar. Manakala Asep Nursobah et al. (2022) juga turut mengkaji KBAT namun dari aspek kesan model pembelajaran berasaskan masalah dan kemandirian pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajian Sejarah Budaya Islam. Selain itu, Arni Yuzie Mohd Arshad & Ruhizan Mohd Yasin (2015) juga mengkaji tahap kemahiran berfikir aras tinggi berdasarkan faktor jantina sahaja. Kertas kajian Parimaladevi & Anuar Ahmad (2019) turut mengenalpasti cabaran faktor penguasaan KBAT.

Seterusnya, kajian Norizzathy Agir dan Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore (2022) menyatakan bahawa guru amat penting dalam membantu pelajar lebih memahami dan mempelajari cara menggunakan KBAT. Guru juga perlu mengajar pelajar cara mencari maklumat dengan sikap kritis dan memasukkan kaedah penemuan dan soal jawab ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi mewujudkan budaya KBAT di sekolah, kebolehan guru menguasai dan mengajar aktiviti berkomponen KBAT serta aktiviti yang menekankan reka cipta dan kreativiti perlu dipertingkatkan. Untuk mengajar KBAT dengan betul kepada murid-murid, sekolah juga dianggap perlu menangani kelemahan mereka dalam menyediakan infrastruktur dan teknologi yang lengkap. Hal ini secara tidak langsung jelas menunjukkan peranan guru dan penggunaan teknologi amat dominan dalam penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar.

Kajian Mohd Faisal Mahmad et al. (2021) dan Rosita Kunyo & Ruhizan Mohammad Yasin (2021) mempunyai kaitan dengan kajian lepas dimana ada memetik kajian pengkaji lain yang menghuraikan faktor penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar namun pengkaji menggunakan teori Taksonomi Anderson dan Krathwohl. Pengkaji mendapati proses berfikir bermula apabila minda mengingat kembali data dan maklumat yang disimpan dalam ingatan untuk diproses untuk pemahaman. Walau bagaimanapun, proses ini dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Pelbagai faktor demografi akan memberi kesan langsung kepada pemikiran.

Berdasarkan dapatan kajian, faktor demografi seperti jantina, lokasi, dan pendedahan kepada kursus KBAT mempunyai pengaruh tertentu terhadap pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah (Abdul Halim Abdullah et al., 2017). Manakala, dapatan analisis perbezaan jantina antara pelbagai KBAT menunjukkan nilai skor min pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan (Divya Shukla & Aj Pattaranai Dungsungnoen, 2016) dan dapatan ini selari dengan kajian Yee Mei Heong et al., (2011). Dapatan Jennifer Lyn Ramos, Bretel Dolipas, dan Brenda Villamor (2013) merumuskan bahawa tahap KBAT dari segi kemahiran menganalisis, perbandingan dan penilaian mempengaruhi pencapaian fizikal pelajar lelaki, manakala bagi pelajar perempuan dari segi kemahiran menganalisis, inferens dan penilaian.

Seterusnya ialah faktor sikap dan gaya pembelajaran pelajar yang terlalu bergantung kepada guru untuk mempelajari KBAT (Shaamilati Che Seman, Wan Mazwati Wan Yusoff, dan Rahimah Embong, 2017). Ini menunjukkan bahawa penglibatan aktif dalam pembelajaran melalui perbincangan kumpulan membantu meningkatkan keupayaan pelajar untuk merumuskan pendapat dan hujah mereka sendiri, merumus, mengemukakan pendapat, menganalisis, mensintesis, dan membuat keputusan (Azieyana Aziz dan Christina Andin,

2018). Dapatan Noor Erma Binti Abu dan Leong Kwan Eu (2014) menunjukkan sikap dan minat merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan seseorang individu dalam bidang tersebut termasuk proses pembelajaran dan prestasi akademik pelajar.

Rohmani Nur Indah & Agung W. Kusuma (2016) pula mendapati tahap pemikiran kritis yang dinilai melalui penulisan kritis, pelajar menunjukkan refleksi pemikiran kritis yang lemah. Dimana dapatan ini menyokong bahawa kemahiran bahasa menjadi faktor penting yang mempengaruhi pemikiran kritis bagi subjek bahasa Inggeris. Keterbatasan bahasa menyebabkan hujah dalam tulisan pelajar tidak jelas. Manakala, kemudahan untuk mendedahkan penghujahan bergantung kepada pengetahuan seseorang tentang bahasa yang baik dan cara mengaplikasikan pengetahuan itu ke dalam wacana supaya pemikiran kritis itu boleh diakses oleh orang lain. Selain itu, Rosanita Tritias Utami et al. (2020) juga faktor penggunaan KBAT juga melibat warga pendidik yang mengajar kepada pelajar.

## METODOLOGI

Pendekatan kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang dijalankan dan menyasarkan kepada 200 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan peringkat menengah rendah tingkatan 1 hingga tingkatan 3 di daerah Tawau, Sabah yang terdiri daripada bandar dan luar bandar. Pendekatan ini dilakukan untuk meninjau perasaan, pemikiran, dan tindakan responden merupakan kaedah yang paling sesuai untuk menilai perasaan, pemikiran, dan tindakan responden. Oleh itu, pengkaji menggunakan kedua-dua kaedah ini berdasarkan soal selidik, dan pemerhatian dalam meninjau tahap efikasi diri dan penguasaan KBAT dalam kalangan pelajar dengan menggunakan pendekatan model taksonomi Bloom (1956).

Kajian ini menggunakan soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu demografi responden di bahagian A, tahap efikasi diri dan penguasaan KBAT serta faktornya di bahagian B dan soalan KBAT pendidikan Islam di bahagian C. Manakala dari segi analisis kajian pula data akan dianalisis mengikut aplikasi *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dengan menguji ujian deskriptif dan korelasi antara boleh ubah.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk menjawab objektif kajian ini. Dapatan kajian dianalisis dan diperincikan seperti berikut:

### Demografi Kajian

Demografi dalam kajian ini merangkum jantina, bangsa, tingkatan, bandar dan pencapaian akademik pelajar dalam Pendidikan Islam. Responden lelaki seramai 86 orang (43.0%) manakala perempuan 114 orang (57.0%). Dapatan kertas kajian mendapati responden yang berbangsa Melayu 83 orang (41.5%), Cina 3 orang (1.5%), Bumiputera Sabah 99 orang (49.5%) dan Lain-lain 15 orang (7.5%). Responden yang di Tingkatan 1 adalah 57 orang (28.5%), Tingkatan 2 sebanyak 66 orang (33.0%) dan Tingkatan 3 adalah 77 orang (38.5%). Responden yang berada di kawasan Bandar 92 orang (46.0%) manakala Luar Bandar 108 orang (54.0%). Bagi pencapaian Pendidikan Islam responden yang mendapat Gred A 52 orang

(26.0%), Gred B 65 orang (32.5%), Gred C 55 orang (27.5%), Gred D 15 orang (7.5%) dan Gred E sebanyak 13 orang (6.5%). Dapatkan terperinci seperti Jadual 1.

Jadual 1: Analisis Demografi

Demografi		Frekuensi (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	86	43.0%
	Perempuan	114	57.0%
Bangsa	Melayu	83	41.5%
	Cina	3	1.5%
Tingkatan	Bumiputera Sabah	99	49.5%
	Lain-lain	15	7.5%
Pencapaian Pendidikan Islam	Tingkatan 1	57	28.5%
	Tingkatan 2	66	33.0%
	Tingkatan 3	77	38.5%
Bandar	Bandar	92	46.0%
	Luar Bandar	108	54.0%
Pencapaian Pendidikan Islam	Gred A	52	26.0%
	Gred B	65	32.5%
	Gred C	55	27.5%
	Gred D	15	7.5%
	Gred E	13	6.5%

### **Ujian Deskriptif Efikasi Diri, Penguasaan KBAT dan Kesan Penguasaan KBAT**

Bagi menentukan nilai min pengkaji menggunakan interpretasi min dengan menentukan tahap pengkaji menggunakan min dan sisihan piawai. Dapatkan kajian ini diukur dengan nilai min pada tahap tinggi (5.00-3.67), tahap sederhana (2.67-3.66) dan tahap rendah (1.00-2.66).

Berdasarkan dapatkan analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai skor yang paling tinggi adalah pada konstruk penguasaan KBAT dengan nilai min  $M= 4.00$ ,  $SD= .705$ , diikuti dengan Kesan Penguasaan KBAT nilai min  $M= 3.85$ ,  $SD= .679$  dan Efikasi Diri nilai min  $M= 3.65$ .  $SD= .630$ . Dapatkan kertas kajian mendapati Penguasaan KBAT dan kesan penguasaan KBAT adalah tinggi manakala efikasi diri adalah sederhana.

Jadual 2: Analisis Deskriptif

Pemboleh ubah	N	Mean	SD	Tahap
Efikasi Diri	200	3.65	.630	Sederhana
Penguasaan KBAT	200	4.00	.705	Tinggi
Kesan Penguasaan KBAT	200	3.85	.679	Tinggi

## Tahap Efikasi Diri Pelajar

Terdapat enam (6) item yang mempunyai item yang nilai skornya adalah ditahap yang tinggi. Secara perinciannya, item yang paling tinggi adalah pada item (4) Saya yakin dengan kebolehan diri untuk mencapai impian dengan nilai N= 200, nilai Min M=3.99, SD=.795 dan item (5) Saya boleh menyelesaikan masalah dengan keupayaan diri N=200, nilai Min M=3.83, SD=.748 dan item (8) Saya boleh membuat keputusan dengan baik N=200, nilai min M=3.74, SD=.758 yang menunjukkan berada pada tahap yang tinggi pada kedudukan nilai min.

Terdapat 7 item yang berada di tahap yang sederhana. Item yang berada ditahap yang sederhana yang mempunyai nilai skor sederhana tinggi adalah pada item (12) Tidak banyak perkara yang boleh saya buat sendiri N=200, nilai min M=3.65, SD=.630, diikuti dengan item (9) Saya yakin boleh menyelesaikan sesuatu tugas sempurna N=200, Min M=3.64, SD=.820 dan item (1) Saya boleh mengurus sesuatu yang sukar dengan baik N=200, nilai min M=3.59, SD=.815 serta item (13) Saya boleh membantu rakan yang lain N=200, Min M=3.59, SD=.815

Jadual 3 : Efikasi Diri

No.	Item	N	Mean	SD	Tahap
1.	Saya boleh mengurus sesuatu yang sukar dengan baik	200	3.59	.815	Sederhana
2.	Saya boleh menyelesaikan kerja yang rumit.	200	3.35	.866	Sederhana
3.	Saya boleh mencapai apa keinginan secara dengan mudah	200	3.33	.936	Sederhana
4.	Saya yakin dengan kebolehan diri untuk mencapai impian	200	3.99	.795	Tinggi
5.	Saya boleh menyelesaikan masalah dengan keupayaan diri	200	3.83	.748	Tinggi
6.	Saya tahu menguruskan keadaan yang rumit	200	3.49	.801	Sederhana
7.	Saya boleh bertengang apabila menghadapi perkara yang sukar	200	3.68	.866	Tinggi
8.	Saya boleh membuat keputusan dengan baik	200	3.74	.758	Tinggi
9.	Saya yakin boleh menyelesaikan sesuatu tugas sempurna	200	3.64	.820	Sederhana
10	Saya boleh menghadapi pelbagai situasi dengan baik	200	3.71	.772	Tinggi
11	Apabila saya dalam kesusahan, saya boleh berfikir apa yang boleh dilakukan	200	3.77	.792	Tinggi
12	Tidak banyak perkara yang boleh saya buat sendiri	200	3.65	.630	Sederhana

13 Saya boleh membantu rakan yang lain	200	3.59	.815	Sederhana
Efikasi Diri		3.65	.630	Sederhana

### Tahap Penguasaan KBAT

Terdapat item yang menunjukkan item yang paling tinggi adalah pada item (4) Guru membenarkan respons murid lebih awal N= 200, Min M=4.31, SD=.865,. Seterusnya, dapatkan kertas kajian ini mendapati bahawa terdapat penglibatan perbincangan yang aktif dengan membuktikan pada item (5) Guru melibatkan saya dalam perbincangan kelas N=200, Min M=4.26, SD=.823 dan item (8) Guru meminta saya menghubungkan isu-isu semasa dengan topik pembelajaran N=200, Min M=4.15, SD=.911. Keseluruhan item adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 4 : Penguasaan KBAT

No.	Item	N	Mean	SD	Tahap
1.	Guru menggalakkan saya bertanya soalan	200	3.59	.972	Sederhana
2.	Guru memberi kefahaman dengan berkongsi cerita yang menarik	200	4.02	.882	Tinggi
3.	Guru memberi pandangan dan idea yang baik	200	4.13	.883	Tinggi
4.	Guru membenarkan respons murid lebih awal	200	4.31	.865	Tinggi
5.	Guru melibatkan saya dalam perbincangan kelas	200	4.26	.823	Tinggi
6.	Guru meminta membuat peta minda dalam pengajaran	200	4.05	.851	Tinggi
7.	Saya diminta menggunakan bahan untuk belajar topik baharu	200	3.93	.927	Tinggi
8.	Guru meminta saya menghubungkan isu-isu semasa dengan topik pembelajaran	200	4.15	.911	Tinggi
9.	Guru meminta saya membuat jangkaan hasil daripada topik yang dipelajari.	200	3.79	.952	Tinggi
10	Guru meminta saya membuat keputusan dan menilai situasi	200	3.94	.936	Tinggi
11	Guru meminta saya mencari jalan penyelesaian dalam masalah yang dihadapi	200	3.88	.857	Tinggi

12	Saya boleh membuat perkaitan topik Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain	200	3.95	.852	Tinggi
13	Saya boleh menyelesaikan masalah dengan kaedah yang dipelajari	200	4.04	.890	Tinggi
14	Saya boleh kaitkan pelajaran dengan isu sebenar	200	3.87	.923	Tinggi
15	Saya dapat menyelesaikan masalah dengan rakan	200	4.00	.798	Tinggi
16	Saya dapat menambah pengetahuan untuk sepanjang hayat	200	3.89	.915	Tinggi
Penguasaan KBAT			4.00	.705	Tinggi

### Kesan Penguasaan KBAT

Berdasarkan analisis kajian ini, menunjukkan terdapat item yang mempunyai nilai skor yang tinggi iaitu pada item (5) Saya boleh berkongsi keadaan semasa kepada rakan yang lain dengan nilai N=200, Min M=4.37, SD=.798, diikuti dengan item (12) Saya dapat mengaitkan apa yang dipelajari Pendidikan Islam dengan kehidupan harian N=200, dengan nilai mean M=4.33, SD=.868 dan item (14) Guru membina keyakinan diri saya untuk mempersiapkan diri untuk masa depan dengan nilai N=200, mean M=4.25, SD=.826.

Jadual 5: Kesan Penguasaan KBAT

No.	Item	N	Mean	SD	Tahap
1.	Saya boleh menjawab soalan yang diberi oleh guru dengan pantas	200	4.06	.891	Tinggi
2.	Saya aktif apabila guru memberi soalan di dalam kelas	200	4.22	.874	Tinggi
3.	Saya seronok dengan apabila belajar Pendidikan Islam	200	3.30	.885	Tinggi
4.	Saya boleh memberi jawapan yang berbeza berbanding rakan lain	200	3.47	.987	Tinggi
5.	Saya boleh berkongsi keadaan semasa kepada rakan yang lain	200	4.37	.798	Tinggi
6.	Saya dapat menyelesaikan masalah berdasarkan topik pengajaran guru.	200	3.61	.906	Tinggi
7.	Saya bersedia menjawab soalan Pendidikan Islam setiap kali ditanya guru	200	3.80	.889	Tinggi
8.	Saya boleh memberi respons yang berterusan di dalam kelas	200	3.80	.802	Tinggi

9. Saya memahami pengajaran guru dengan cepat	200	3.85	.841	Tinggi
10 Pendidikan Islam banyak mengubah kehidupan saya lebih baik	200	3.57	.979	Tinggi
11 Soal jawab menjadikan saya lebih berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Islam	200	3.73	.872	Tinggi
12 Saya dapat mengaitkan apa yang dipelajari Pendidikan Islam dengan kehidupan harian	200	4.33	.868	Tinggi
13 Saya boleh mengingati pelajaran Pendidikan Islam dengan baik	200	4.10	.915	Tinggi
14 Guru membina keyakinan diri saya untuk mempersiapkan diri untuk masa depan	200	4.25	.826	Tinggi
15 Saya dapat melatih diri dengan baik dengan ilmu Pendidikan Islam setiap masa	200	4.00	.871	Tinggi
Penguasaan KBAT		3.85	.679	Tinggi

### **Hubungan antara tahap efikasi diri dan penguasaan KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam dalam kalangan pelajar menengah rendah di daerah Tawau, Sabah.**

Terdapat beberapa bidang yang memerlukan kajian untuk melihat pemboleh ubah. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji turut menjalankan ujian deskriptif untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang dikaji. Hasil kertas penyelidikan ini dianalisis berdasarkan ukuran pekali korelasi Skala Davis (1971) untuk menentukan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah. Pekali korelasi skala Davis (1971) diukur dalam ujian korelasi Pearson.

Jadual x menunjukkan hubungan antara efikasi diri dengan penguasaan KBAT mempunyai nilai korelasi  $r = .725^{**}$ ,  $Sig = .000$ ,  $p > .005$ . Dapatkan ini menunjukkan hubungan yang amat tinggi dan mempunyai nilai yang positif antara pemboleh ubah dan hipotesis kajian ini adalah diterima. Dapatkan ini menunjukkan kedudukan hubungan adalah ditahap yang tinggi dan signifikan.

Dapatkan kajian mendapati efikasi diri dengan kesan penguasaan KBAT mempunyai nilai korelasi  $r = .806^{**}$ ,  $Sig = .000$ ,  $p > .005$ . Dapatkan ini menunjukkan hubungan yang amat tinggi dan mempunyai nilai yang positif antara pemboleh ubah dan hipotesis kertas kajian ini adalah diterima manakala hubungan antara penguasaan KBAT dengan Kesan Penguasaan KBAT adalah  $r = .878$ ,  $Sig = .000$ ,  $p > .05$ . Dapatkan kertas kajian ini menunjukkan adalah amat tinggi dan mempunyai hubungan yang signifikan.

---

Correlations

---

			Kesan
		Efikasi Diri	Penguasaan KBAT
			Penguasaan KBAT
Efikasi Diri		Pearson Correlation 1	
		Sig. (2-tailed)	
	N	200	
Penguasaan KBAT		Pearson Correlation .725**	1
		Sig. (2-tailed)	.000
	N	200	200
Kesan KBAT	Penguasaan Pearson Correlation	.806**	.878**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000
	N	200	200

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

---

### **Hubungan antara Kesan Penguasaan KBAT dengan pencapaian akademik Pendidikan Islam Murid**

Dapatan kajian mendapati kesan penguasaan KBAT dengan Pencapaian Akademik murid dalam subjek Pendidikan Islam mempunyai nilai korelasi  $r = .294^{**}$ ,  $\text{Sig} = .000$ ,  $p > .005$ . Dapatan ini menunjukkan hubungan yang rendah dan mempunyai nilai yang positif antara pemboleh ubah dan hipotesis kertas kajian ini adalah diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan adalah rendah dan mempunyai hubungan yang signifikan.

---

Correlations

---

		Kesan
		Penguasaan KBAT
		Prestasi
Kesan KBAT	Penguasaan Pearson Correlation 1	
	Sig. (2-tailed)	
	N	200
Prestasi	Pearson Correlation -.294**	
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	200

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

---

### **PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa penguasaan KBAT dan kesan penguaaan KBAT adalah tinggi berbanding dengan efikasi diri yang menunjukkan berada pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa penguasaan KBAT adalah penting dan memberi kesan terhadap pencapaian murid namun efikasi diri murid harus dipandang serius untuk kemenjadian murid seiring dengan penguasaan KBAT. Selain itu, dapatan kajian ini mendapati bahawa hubungan antara efikasi dengan penguasaan KBAT dan kesan penguasaan

KBAT adalah berada di tahap yang tinggi manakala hubungan antara kesan penguasaan KBAT dengan prestasi adalah ditahap yang sederhana rendah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masih perlu diberi perhatian dan pengukuhan kepada pelajar untuk peningkatan prestasi dalam pelajaran.

Kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Sarinah Mohd Said (2022) skor min keseluruhan bagi ketiga-tiga aspek tahap efikasi kendiri bagi akademik mempunyai skor min 4.03, efikasi kendiri sosial mempunyai skor min 4.15 dan skor min bagi efikasi kendiri emosi ialah .74. Kesemua skor min bagi ketiga-tiga aspek yang dinilai mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi.

Kajian ini juga selaras dengan kajian Nur Atiqah Nizam (2021) yang mendapati perbezaan ketara dalam efikasi kendiri berdasarkan jantina dan prestasi akademik. Walau bagaimanapun, kedua-dua faktor ini tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap pengetahuan pelajar tentang topik pecahan. Selain itu, hasil kertas kajian mendapati hubungan positif antara efikasi kendiri dan pengetahuan pelajar dalam topik pecahan.

Analisis kajian ini selari dengan dapatan kajian Chan Wan Ting (2022) mendapati hubungan linear positif yang signifikan antara efikasi kendiri dengan penguasaan KBAT murid. Justeru, efikasi kendiri murid semakin tinggi,maka tahap penguasaan KBAT murid juga akan meningkat. Implikasi kajian yang melibatkan peranan murid, guru dan pihak sekolah telah dibincangkan dalam menangani isu penguasaan KBAT murid.

Secara tuntasnya efikasi kendiri mempunyai pengaruh terhadap personaliti seseorang. Manusia sentiasa aktif berinteraksi dengan persekitarannya dalam bentuk menggambarkan peristiwa dan kemudian memilih untuk mengambil tindakan. Efikasi kendiri menentukan pemilihan aktiviti, usaha, dan kesungguhan dalam menghadapi cabaran sedia ada. Semakin tinggi tahap efikasi kendiri, semakin besar kemungkinan orang akan memilih aktiviti yang mencabar, lebih gigih, dan kurang cenderung untuk berputus asa apabila berhadapan dengan halangan atau pengalaman yang menyakitkan (Travis dan Bunde, 2022). Berdasarkan pada pemerhatian, pelajar sering bersikap pasif di dalam kelas dan tidak dapat membuat tugas dengan baik.

Pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi sering memotivasi diri mereka melalui perancangan dan insentif untuk mengelakkan diri daripada menghadapi kegagalan (Hamidet al., 2019). Kepercayaan seseorang terhadap kebolehannya menghasilkan sesuatu menjadikan mereka lebih bersemangat dan bermotivasi untuk mencapai sesuatu matlamat atau matlamat (Mostafa dan Sajad, 2011). Pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi mempunyai kualiti pembelajaran yang baik dan keupayaan kawalan kendiri yang baik dalam prestasi akademik. Pelajar ini akan menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar dengan bekerjasama dan tenang.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, seorang pelajar mempunyai keistimewaan dan kelebihan diri masing-masing. Tidak kira siapa kita, ketekunan dan kerja keras yang dirancang dan dilaksanakan boleh membawa kepada kejayaan dan mengangkat diri kita ke tahap yang lebih tinggi. Dalam hal ini, mengubah persepsi diri telah terbukti penting untuk mencapai kejayaan. Percaya pada keupayaan seseorang untuk berubah dan berjaya adalah sangat subjektif, tetapi sangat penting.

Oleh itu, ia adalah salah satu faktor penting untuk kejayaan dan peningkatan diri seseorang. Keupayaan untuk melakukan sesuatu dalam keadaan tertentu. Oleh itu, perhubungan ini berkait rapat dengan keyakinan seseorang dalam mencapai hasrat atau mencapai kejayaan dalam hidup. Jika dikaitkan dengan kekurangan daya saing, pelajar akan kekurangan usaha untuk cuba melakukan sebarang tindakan untuk memperbaiki diri. Ini berkait rapat dengan motivasi diri pelajar. Oleh itu, keselesaan inilah yang menyebabkan mereka tidak bermotivasi untuk mengubah dan membangunkan diri.

Penerimaan kendiri dijelaskan sebagai salah satu sikap yang positif terhadap diri sendiri dalam kesejahteraan psikologi. Mereka yang mempunyai sikap yang positif, mempunyai matlamat yang bermakna untuk mewujudkan tujuan hidup secara jelas. Memandangkan tuntutan pembelajaran yang sememangnya semakin mencabar, adalah mustahak bagi penyelidik dan pendidik untuk lebih memahami tahap kemampuan pelajar, sifat dan akibat tekanan untuk mengenal pasti dan memasukkan hanya jangkaan dan tuntutan akademik yang paling sesuai untuk pelajar iaitu pengalaman, perkembangan pembelajaran dan matlamatnya. Efikasi kendiri pada pelajar dapat membantu mereka dalam menentukan pilihan dan usaha untuk maju, memperoleh kegigihan dan ketekunan yang ditunjukkan melalui usahanya mencapai sasaran.

## Rujukan

- Abdul Halim Abdullah, Mahani Mokhtar, Noor Dayana Abd Halim, Dayana Farzeha Ali, Lokman Mohd Tahir & Umar Haiyat Abdul Kohar. 2017. Mathematics Teachers' Level of Knowledge and Practice on the Implementation of Higher-Order Thinking Skills (HOTS). *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 13(1), 3-17.
- Azieyana Aziz, Christina Andin. 2018. Penggunaan Strategi Pembelajaran Koperatif untuk Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar (The Use of Cooperative Learning Strategies to Improve Students' Higher Order Thinking Skills). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 43 (1) : 1-9.
- Bandura, Albert. 1977. Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215.
- Bandura, Albert. 1986. *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Bandura, A., Lock, E., A. 2003. Negative Sself-efficacy and goal effects revisited. *Journal of Applied Psychology*, 88, 87-99.
- Chai Wan Ting, Shahlan Surat & Saemah Rahman. 2022. Tahap Efikasi Kendiri dan Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan Murid, *Jurnal Dunia Pendidikan*. (4), 318-333, <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdp>
- Divya Shukla, Aj Pattaradanai Dungsungnoen. 2016. Student's Perceived Level and Teachers' Teaching Strategies of Higher Order Thinking Skills; A Study on Higher Educational Institutions in Thailand, *Journal of Education and Practice*, 7 (12) : 211-219.
- Mohamad Majid Konting. 1994. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Faisal Mahmad, Yee Mei Heong, Tee Tze Kiong & Nurulwahida Azid. 2021. Higher Order Thinking Skills And Teaching Style In Mathematics Primary School: A Review. *International Journal Of Education And Pedagogy*, 3(1): 1-21.
- Mostafa Zare, Sajad Davoudi Mobarakeh. 2011. The relationship between self-efficacy and use of reading strategies: the case of Iranian Senior High School Students. *Studies in Literature and Language*, 3 (3), 98-105.
- Noor Erma Abu, Leong Kwan Eu. 2014. Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. JuKu: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2 (1) : 1-10
- Norizzathy Agir, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. 2022. Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Kolej Vokasional. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)* : 68-76.
- Nurul Atiqah Nizam. 2021. Efikasi Kendiri dan Pengetahuan dalam Topik Pecahan bagi Murid Tahun Empat. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*. 11: 77-87.
- Ramang Ramang. 2022. Higher-Order Thinking Skill-Based Learning In Islamic Religious Education Subject. *British Journal of Education* 11, (1) : 1-12 .
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila & Mashita Abu Hassan. 2019. Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research* 1(4) : 1-23.
- Shamilati Che Seman, Wan Mazwati Wan Yusoff, & Rahimah Embong. 2017. Teachers Challenges in Teaching and Learning for Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Primary School. *International Journal of Asian Social Science*, 7(7), 534–545.
- Syarinah Mad Sehat. 2022. Tahap Efikasi Kendiri Pelajar Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Universiti Melaka, *Jurnal Kesidang* 7: 135-144
- Tazul Islam, Tareq M. Zayed. 2023. Achievement Motivation Among Islamic Studies And Its Correlation With Problem Based Learning And Self-Efficacy. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 8(1), 469-489.
- Travis, J., Bunde, J. 2022. Self-regulation in college: The influence of self-efficacy, needsatisfaction, and stress on GPA, persistence, and satisfaction. *Current Psychology*, 41(9), 11, (1): 6185–6195 <https://doi.org/10.1007/s12144-020-01091-7>
- Zainuddin, Z. A., dan Mydin Kutty, F. 2021. Hubungan Antara Efikasi Kendiri dan Motivasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Perempuan Jurusan STEM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (3), 180–190. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v>
- Zulyna Adila Zainuddin, Faridah Mydin Kutty. 2021. Hubungan antara efikasi kendiri dan motivasi terhadap pencapaian akademik pelajar perempuan jurusan STEM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (3) : 180-190.
- Zuraidah Ramdzan, Mohd Isa Hamzah, & Hafizhah Zulkifli. 2022. 21ST- Century Learning in Islamic Education. *Journal of Pharmaceutical Negative Results*, 13 (7) : 4221-4231.